

# Agenda Daily

## KRI nafi Perak negeri miskin

Terakhir dikemaskini: 06 September 2016

By YUSOF HARUN

Setelah teruk dikritik, Institut Penyelidikan Khazanah (KRI) tampil menafikan Perak dikategorikan sebagai negeri bertaraf miskin seperti dalam kajian yang dilaporkan baru-baru ini.

Pengarah Urusannya, Datuk Charon Mokhzani menjelaskan mereka tidak pernah mengeluarkan kenyataan atau membuat kesimpulan Perak negeri kedua termiskin selepas Kelantan sehingga mencetuskan kontroversi.

Dalam konteks ini beliau berkata berdasarkan kepada purata pendapatan isi rumah, tidak adupun negeri yang dikategorikan miskin di negara ini.

“Tidak ada satupun negeri di Malaysia yang boleh dikatakan miskin kerana kemiskinan di Malaysia hampir tiada, walaupun memang ada (rakyat) yang masih miskin, tetapi hanya 0.6 peratus,” katanya.

Penjelasan itu dibuat dalam satu sidang media di Hotel [Casuarina@Meru](#) di Ipoh Isnin sempena persidangan Dialog Pangkor yang dirasmikan Menteri Besar Dato Seri Dr.Zambry Abd Kadir.

Charon berkata apa yang ditunjukkan di dalam laporan itu adalah pendapatan isi rumah mengikut negeri, misalnya 64.4 peratus keseluruhan isi rumah di Kuala Lumpur mempunyai pendapatan lebih RM6,000 sebulan.

Menurutnya angka RM6,000 sebulan itu diambil berdasarkan purata pendapatan isi rumah kebangsaan ialah RM6,141. Dan analisis KRI itu dibuat berdasarkan data daripada Jabatan Perangkaan tahun 2014.

Sementara itu, Mohammad Zahir berkata, kerajaan negeri berpuas hati dan menghargai usaha KRI dengan memberi penjelasan berhubung laporan tersebut.

“Kerajaan negeri melalui Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN) juga merancang bersama KRI untuk melakukan kajian bagi mendapatkan data sebenar supaya membantu semua pihak sama ada pelabur dan pembuat dasar di negeri ini,” katanya.-6/9/2016